

## APAKAH HUKUM TUNTUTAN HUTANG KEPADA AHLI WARIS TERHADAP HUTANG TUNGGAKAN CUKAI PENDAPATAN SI MATI?

Penggunaan konsep cukai berada dalam kategori hak Allah *Subhanahu wata'ala*, maka ia akan mengguna pakai konsep hak Allah *Subhanahu wata'ala* secara keseluruhan. Jika ia boleh dituntut ke atas harta si mati dan tertanggung *zimmah* untuk membayar hutang cukai tersebut, maka ia akan terangkat dari penghutang jika ia tidak mampu dibayar dari harta warisan si mati. Sabda Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam*:

**أَنَا أَوْلَى بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ فَمَنْ تُؤْفَقِي وَعَلَيْهِ دَيْنٌ فَعَلَىٰ قَضَاؤُهُ وَمَنْ تَرَكَ مَالًا فَهُوَ لِوَرَثَتِهِ**  
Maksudnya: "Saya adalah orang yang lebih berhak ke atas mukmin berbanding diri sendiri. Sesiapa yang meninggal dunia dan dia mempunyai hutang, maka saya yang akan menyelesaikannya. Sesiapa yang mati meninggalkan harta, maka ia adalah untuk warisnya."

(Hadis Riwayat an-Nasa'i, no. 1963)

Kesalahan penghutang yang gagal menjelaskan hutang sepatutnya tidak ditanggung atau dipindahkan kepada waris penghutang selepas kematiannya. Hal ini berdasarkan firman Allah *Subhanahu wata'ala* dalam surah Fatir ayat 18 yang bermaksud, "Dan (ketahuilah), seseorang pemikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain."

Mesyuarat Lembaga Fatwa Sarawak Kali Ke-42 pada 8 Ramadhan 1445 bersamaan 19 Mac 2024 telah memutuskan berkaitan **Hukum Tuntutan Hutang Tunggakan Cukai Pendapatan Si Mati Kepada Ahli Waris** adalah menjadi hutang yang wajib diselesaikan menggunakan harta si mati sahaja.

1. Keharusan pelaksanaan cukai adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh para ulama' dan parameter yang telah ditetapkan iaitu:
  - a. Kerajaan komited melaksanakan syariat Islam;
  - b. Kerajaan memerlukan sumber kewangan;
  - c. Cukai yang dikutip hanya untuk memenuhi maslahah *dharuriyat* dan *hajiyat*;
  - d. Bebanan cukai dikutip secara adil;
  - e. Cukai dibelanjakan untuk maslahah ummah bukan untuk maksiat;
  - f. Agihan cukai hendaklah bertepatan dengan ijtihad ulama;
  - g. Semasa dan setempat.

2. Sekiranya syarat-syarat ini dipenuhi, maka:
  - a. Tanggungjawab membayar cukai adalah menjadi tanggungjawab ke atas setiap rakyat kepada ulul amri dan perbuatan menipu dan mlarikan diri daripada membayar cukai adalah berdosa. Justeru, rakyat bertanggungjawab untuk menyelesaikan kesemua tuntutan dan tunggakan cukai ketika masih hidup.
  - b. Sekiranya pembayar cukai telah meninggal dunia dan diketahui bahawa beliau mempunyai sejumlah cukai yang tertunggak dan cukai tersebut telah disahkan semasa beliau hidup, adalah menjadi tanggungjawab kepada waris si mati untuk menguruskan cukai yang tertunggak daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati sebelum harta tersebut di agih-agihkan kepada waris.
  - c. Liabiliti pembayar cukai yang mempunyai cukai tertunggak tidak akan berpindah kepada waris setelah kematian beliau atas kapasiti peribadi waris.
  - d. Bagi pembayar cukai yang meninggal dunia dan telah diisyiharkan bankrap ataupun telah dibuktikan tidak meninggalkan harta yang mencukupi untuk melangsangkan tunggakan cukai, disarankan supaya kerajaan melalui LHDN agar mempertimbangkan untuk menghapus kira hutang tunggakan cukai tersebut.
  - e. Denda (kompaun) yang dikenakan ke atas tunggakan cukai hanya boleh dikenakan dengan kadar minima iaitu 1% daripada tunggakan mengikut ketetapan Garis Panduan bagi Caj Pembayaran Lewat seperti yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (BNM). Denda tersebut hanya boleh dikenakan ketika pembayar cukai masih hidup dan tidak boleh digandakan (*compounded*).
  - f. Pengiraan tunggakan cukai si mati perlulah diambil kira daripada taksiran cukai yang telah disemak, telah disahkan dan dibuktikan oleh pembayar cukai semasa beliau hidup sahaja.
  - g. Dalam keadaan di mana pembayar cukai yang telah meninggal dunia belum sempat mengesahkan dan menyerahkan dokumentasi untuk taksiran cukai bagi tahun semasa dan anggaran cukai telah dikeluarkan oleh LHDN, maka disarankan supaya tuntutan cukai tidak dikenakan atau tuntutan dikenakan pada tahap yang minimum.
  - h. LHDN atau pun agensi kutipan cukai yang lain perlu menambahbaik tata kelola pentadbiran pengutipan cukai supaya lebih bersifat ihsani dengan memperbaiki prosedur kutipan tunggakan cukai,bekerjasama dengan pihak JPN supaya data berkaitan pembayar cukai yang telah meninggal dunia dapat dikemaskini dengan segera

dan mewujudkan unit khusus yang memantau pelaksanaan kutipan cukai supaya selaras dengan kehendak syariah.

